



## Selamat Datang

Selamat datang ke Pusat Sumber Pencari Suaka. Kami merupakan badan hak asasi manusia bebas. Kami tidak bekerja untuk kerajaan. Bantuan kami adalah gratis. Kami berusaha melindungi dan mempertahankan hak asasi pencari suaka di Australia. Kami percaya bahawa semua orang harus bebas.

### Siapa yang kami bantu

Kami membantu pencari suaka. Pencari suaka merupakan seseorang yang:

- Harus meninggalkan negaranya kerana terlalu berbahaya untuk tetap tinggal di sana; dan
- Menghadapi bahaya di negaranya kerana sedang diseksa atau menghadapi risiko penyeksaan serius kerana: pendapat politik, agama, kaum, kewarganegaraan atau kumpulan sosialnya; dan
- Kerajaannya tidak dapat atau tidak akan melindunginya daripada penyeksaan serius tersebut.

### Bagaimana kami dapat membantu Anda

Membuktikan bahawa anda seorang pelarian di Australia tidak mudah. Kami akan memberi Anda nasihat undang-undang secara percuma tentang sama ada anda berkemungkinan diterima sebagai seorang pelarian. Jika kami menganggap anda mungkin diterima sebagai pengungsi, kami akan membantu anda. Kami sedar bahawa tiada siapa pun yang memilih untuk menjadi pencari suaka dan oleh sebab itu kami hadir untuk menyokong anda apabila penting, ketika menghadapi kesukahan.

Kami akan berusaha sedaya upaya untuk membantu Anda dalam segala hal daripada nasihat hukum, rawatan perubatan, ubat, lampin untuk bayi Anda, makan tengah hari sihat harian, bungkusan makanan, rekreasi, kaunseling, sokongan krisis, kelas Bahasa Inggeris, orientasi dan menyesuaikan diri di Melbourne, sampai ke bantuan untuk mencari pekerjaan untuk anda. Segala hal yang anda beritahu kepada kami akan sulit dan Anda akan selamat di pusat kami.

### Cara untuk mencari kami

Jika Anda seorang pencari suaka di Melbourne, Anda boleh melawat pusat kami sendiri untuk bantuan, dari hari Isnin hingga Jumaat pukul 10 pagi hingga 5 petang. Kami beralamat di 12 Batman Street, West Melbourne. Anda juga boleh menelefon kami untuk bantuan pada nombor (03) 9326 6066 ketika jam kerja ini.



**Anda boleh datang ke Pusat Sumber Pencari Suaka dengan cara berikut:**

Kami terletak di persimpangan King Street dan Batman Street, di seberang jalan dari Flagstaff Gardens di pusat bandar.

- Anda boleh berjalan dari stesen kereta api Flagstaff atau Southern Cross di pusat bandar, hanya 5 minit jalan kaki.
- Anda boleh menaiki city circle tram di pusat bandar dan turun di persimpangan La Trobe Street dan King Street, hanya 2 minit jalan kaki dari sana.

**Bagaimana jika anda tidak berada di Melbourne, Australia?**

Kami hanya dapat membantu pencari suaka yang berada di Melbourne. Jika anda berada di negeri lain, klik pada paut di bawah untuk mencari perkhidmatan yang terdekat.

<http://www.asrc.org.au/media/documents/asrc-resource-directory.pdf>

Jika anda berada di luar Australia, klik pada paut di bawah untuk maklumat bagi memohon suaka di seluruh dunia:

<http://www.asylumlaw.org/asylumseeker>